

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	28 November 2015



DR. MAHATHIR MOHAMAD (tengah) memukul gong merasmikan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

Um - 28/11/2015

Fahami mekanisme, kekangan sistem demokrasi

KUALA LUMPUR 27 Nov. -Masalah ketidakstabilan politik dan pergolakan berterusan yang dialami banyak negara Islam adalah berikutan kegagalan untuk benar-benar memahami mekanisme serta kekangan sistem demokrasi.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sistem demokrasi akan hanya berjaya sekiranya rakyat memahami kekangan sistem berkenaan dan tidak beralih kepada protes ganas bagi mencapai matlamat dikehendaki.

"Bagi memastikan demokrasi berjalan, mesti ada kesediaan untuk menerima kekalahan, masyarakat Islam yang menggunakan sistem demokrasi mesti belajar untuk menerima keputusan pilihan raya.

"Sekiranya mereka menerimanya, kerajaan yang dipilih akan terus mentadbir negara sehingga pilihan raya seterusnya, sekiranya mereka tidak (menerima), protes ganas serta kekacauan politik akan menyebabkan negara tidak stabil dan boleh membawa kepada huru-hara," katanya ketika berucap bagi

merasmikan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2015 di sini hari ini.

Sidang kemuncak yang dipengerusikan oleh Dr. Mahathir itu menghimpunkan cendekiawan dan pemikir Islam dari seluruh dunia bagi membincangkan pelbagai topik mengenai sistem demokrasi, politik dan situasi negara-negara Islam.

Menurut Dr. Mahathir, meskipun banyak negara Islam telah menyingkirkan pemerintah dan kerajaan mereka yang autokratik, kemakmuran negara tetap gagal dicapai kerana kerajaan baharu yang telah dipilih secara demokratik pun akan cuba dijatuhkan melalui protes ganas.

"Adalah amat penting untuk kita juga berkorban agar pihak lain dapat menikmati demokrasi, sekiranya kita menuntut segalanya 100 peratus sebagai hak kita dan orang lain tidak mendapat hak mereka, maka demokrasi akan gagal," katanya.

Beliau memberitahu, rakyat sewajarnya menggunakan medium pilihan raya atau sistem perunda-

ngan negara sekiranya tidak berpuas hati terhadap kerajaan.

"Sekiranya rakyat menggunakan kekerasan, maka sudah tiada guna lagi demokrasi kerana demokrasi sudah mati. Sekiranya itu berlaku, amat sukar bagi rakyat untuk memulihkan semula demokrasi serta institusi dan prinsipnya," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir memberitahu, negara Islam tidak boleh mengambil sepenuhnya sistem demokrasi yang diamalkan di negara Barat kerana nilainya yang amat berbeza dengan agama Islam.

"Sistem demokrasi negara Barat adalah terlalu liberal sehingga nilai moral mereka telah runtuh. Mereka terlalu bebas sehingga boleh menghina agama lain.

"Aspek utama dalam sistem demokrasi yang negara Islam perlu tumpukan adalah memastikan sistem pilihan raya dapat berjalan lancar dan mereka yang menang menubuhkan kerajaan, manakala mereka yang kalah, menerima kekalahan mereka," katanya.